



Niat Menceburi Bidang Keusahawanan Di kalangan Siswa Jurusan Perniagaan dan Bukan Perniagaan

Norulhuda Tajuddin
Musramaini Mustapha
Nor Hidayatun Abdul Raza
Rosliza Abu Bakar

ABSTRAK

Pada masa sekarang Malaysia sangat-sangat menggalakkan para graduan menceburi bidang perniagaan sebagai satu langkah mengurangkan masalah pengangguran yang disebabkan peluang pekerjaan yang terhad. Universiti tempatan kini sudah mula menawarkan program keusahawanan untuk menarik pelajar - pelajar yang meminati bidang ini. Keusahawanan bukan sahaja memerlukan bakat semulajadi dan modal sahaja, malahan niat untuk menceburi bidang perniagaan boleh dibentuk melalui pembelajaran dalam bidang keusahawanan. Pendedahan tentang keusahawanan melalui kursus keusahawanan kepada pelajar jurusan perniagaan dan bukan perniagaan memberikan impak terhadap niat untuk menjadikannya kerjaya pada masa akan datang. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji perbezaan dari segi niat menceburi bidang keusahawanan di antara pelajar-pelajar dalam jurusan Perniagaan dan Bukan Perniagaan. Niat keusahawanan ini diukur dengan mengambilkira dua faktor utama iaitu faktor motivasi dan faktor penghalang yang dikenalpasti dapat mengukur niat keusahawanan di kalangan pelajar. Seramai 331 orang pelajar telah dipilih dalam kajian ini dan soal selidik telah diedarkan. Instrumen kajian mengandungi 3 komponen yang diukur menggunakan skala likert 1 hingga 5. Hasil kajian mendapati pelajar-pelajar dari kedua-dua jurusan menunjukkan niat yang sama kepada keusahawanan. Dapatan kajian juga berjaya mengenalpasti faktor motivasi dan faktor penghalang utama yang mempengaruhi niat keusahawanan pelajar-pelajar tersebut.

Kata kunci: Keusahawanan, mahasiswa, pendidikan

Pengenalan

Bidang keusahawanan adalah salah satu prospek utama kerajaan dalam membantu rakyat mencapai kehidupan lestari. Namun, haruslah difahami bahawa keusahawanan bukan sekadar menubuhkan dan menjalankan perniagaan, tetapi ia mencakupi sikap, kemahiran dan pengetahuan dalam menjalankan sesuatu perniagaan (Kementerian Pengajian Tinggi, 2007). Bagi mendasari hala tuju tersebut, Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah mengambil langkah proaktif dengan menawarkan subjek keusahawanan bertujuan untuk menggalakkan niat keusahawanan di kalangan pelajarnya. Semua pelajar dari pelbagai bidang dan program pada peringkat diploma diwajibkan mengambil kursus ini sebagai kursus wajib universiti. Kewujudan kursus ini menunjukkan peri pentingnya aktiviti keusahawanan di kalangan para pelajar dan seterusnya dapat mengelakkan daripada terlalu bergantung terhadap peluang-peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh pihak majikan. Memandangkan pada masa sekarang peluang pekerjaan semakin terhad, maka adalah amat wajar untuk para siswa-siswi mencipta peluang pekerjaan sendiri (Norafadhilah & Halimah, 2010). Dalam masa yang sama, kerajaan melalui agensi-agensinya menawarkan pelbagai program sokongan seperti Prosper Siswazah oleh PUNB, Skim Usahawan Siswazah oleh MITI, Skim Usahawan Tani Komersil oleh AgroBank dan banyak lagi untuk membantu para siswazah memulakan perniagaan.

Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah:

1. Mengkaji perbezaan antara pelajar jurusan perniagaan dan jurusan bukan perniagaan terhadap niat keusahawanan.
2. Mengenalpasti faktor motivasi dan faktor penghalang yang mempengaruhi pelajar kedua-dua jurusan terhadap niat keusahawanan.

Kajian Literatur

Keusahawanan di Peringkat Universiti

Di Malaysia, bidang keusahawanan berpotensi untuk diperluaskan dengan menggalakkan lebih ramai siswazah universiti memilih bidang keusahawanan sebagai salah satu kerjaya pilihan setelah mereka tamat belajar. Oleh itu, penawaran kursus keusahawanan adalah sangat penting dan dilihat mampu memberi pendedahan awal kepada mereka tentang bidang keusahawanan (Gurel et al., 2009). Menurut (Abd. Rahim et al., 2006), universiti merupakan tempat yang paling strategik untuk memulakan langkah memberi pendedahan kepada pelajar dalam bidang keusahawanan kerana percambahan ilmu secara kreatif dan inovatif sentiasa berlaku di samping mendapat kepercayaan dan tanggapan yang tinggi di kalangan masyarakat. Di samping itu, dengan wujudnya kursus keusahawanan, ia dapat membantu pelajar untuk memiliki persediaan awal sebelum menceburi bidang keusahawanan secara lebih serius. Ini dipersetujui oleh Higgins dan Elliott (2010):

“The development of experiential knowledge in entrepreneurs is an incremental process that evolves throughout the course of their working lives. This means that attempts to stimulate “real life” experience through formal modes of passive education and training are unlikely to have a strong influence or impact on the development of the entrepreneur as a practitioner”.

Kursus Asas Keusahawanan

Kursus asas keusahawanan atau lebih dikenali sebagai ETR/ENT 300 diperkenalkan kepada pelajar UiTM semester akhir untuk memberi gambaran tentang ilmu-ilmu keusahawanan yang perlu dimiliki dan seterusnya memupuk niat keusahawanan di kalangan para pelajar (Melinda, 2008). Kursus ini diwajibkan kepada semua pelajar peringkat diploma dari setiap jurusan. Pendekatan syarahan dan tutorial dengan 3 jam kredit dan 4 jam temu digunakan oleh para pensyarah untuk menyampaikan kandungannya. Setiap pelajar akan dinilai dengan pembahagian 50% penilaian berterusan dan 50% untuk peperiksaan akhir. Kursus ETR/ENT 300 merangkumi pelbagai topik meliputi teori-teori motivasi keusahawanan, pentadbiran, pemasaran, pengurusan operasi dan kewangan. Pada akhir semester pelajar diminta untuk menyiapkan rancangan perniagaan mereka dan akan membentangkannya di hadapan panel-panel yang telah ditetapkan untuk tujuan penilaian.

Motivasi Dalam Memilih Bidang Keusahawanan

Beberapa faktor motivasi yang menggalakkan niat keusahawanan dikenalpasti seperti mengikut tradisi keluarga, ingin mencapai status sosial yang tinggi, mendapat kebebasan individu, mendapat kekayaan dan juga ganjaran yang adil berbanding bekerja dengan orang lain (Zafir Khan & Mohamad Hasun, 2007; Shinnar et al. 2009). Faktor-faktor motivasi ini seterusnya akan mencetuskan minat seseorang itu kepada bidang keusahawanan. Sementara itu, faktor-faktor penghalang juga dikenalpasti seperti kekurangan modal, kekurangan pengetahuan untuk menjalankan perniagaan, takut kepada risiko, dan juga kurang sokongan dari keluarga (Shinnar et al. 2009). Faktor-faktor halangan inilah yang boleh menjejaskan minat dan niat keusahawanan di kalangan pelajar.

Metodologi Kajian

Kajian ini melibatkan 331 pelajar Kampus Khazanah Alam, UiTM Pahang. Responden terdiri daripada pelajar semester akhir dari jurusan perniagaan seramai 106 pelajar dan jurusan bukan perniagaan seramai 205 pelajar yang mendaftar kursus ETR/ENT 300. Soalselidik yang diedarkan kepada mereka mempunyai 4 komponen pembahagian soalan iaitu demografik, niat menceburi bidang keusahawanan, faktor motivasi dan faktor penghalang untuk menceburi bidang keusahawanan. Kesemua instrumen kajian didapati dan diubahsuai dari Shinnar et al. 2009 dengan menggunakan skala likert 1 sehingga 5 (bermula dengan 1 “sangat tidak setuju” sehingga 5 “sangat setuju”) (Jadual 1). Analisis keseluruhan menggunakan frekuensi peratusan dan min dapatan untuk melihat perbezaan niat menceburi bidang keusahawanan di kalangan pelajar - pelajar jurusan perniagaan dan bukan perniagaan. Di samping itu, untuk mengukur faktor motivasi dan faktor halangan dalam pemilihan kerjaya keusahawanan di kalangan responden, min dapatan turut digunakan.

Jadual 1: Instrumen Kajian

| Pembolehubah | Bilangan | Sumber |
|-------------------|----------|---------------------|
| Faktor motivasi | 5 | Shinnar et al. 2009 |
| Faktor halangan | 5 | |
| Niat keusahawanan | 3 | |

Dapatan dan Perbincangan

Analisa data pada bahagian ini akan dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu, demografik, niat menceburi bidang keusahawanan, faktor motivasi dan faktor penghalang.


Analisa Perbandingan Jantina dan Jurusan

Gambarajah 1 menunjukkan seramai 311 pelajar secara keseluruhan dari jurusan perniagaan dan bukan perniagaan menjadi responden dalam kajian ini. Sebanyak 42.8% (133) responden adalah lelaki dan 57.2% (178) responden adalah perempuan. Dari segi jantina dan bidang pengajian, responden lelaki dari bidang perniagaan diwakili oleh 27.1% (36) responden manakala responden perempuan pula diwakili sebanyak 39.3% (70). Responden dari bidang bukan perniagaan pula diwakili oleh 72.9% (97) responden lelaki dan 60.7% (108) responden perempuan. Fenomena ini dilihat selari dengan penawaran lebih banyak jurusan bukan perniagaan berbanding jurusan perniagaan di UiTM Pahang (Jadual 2).

Jadual 2: Penawaran Kursus Mengikut Jurusan

| Jurusan Perniagaan | Jurusan Bukan Perniagaan |
|---|--|
| Diploma Pengurusan Perniagaan Diploma Pengurusan Perbankan | Diploma Perakaunan Diploma Pengurusan Pejabat Diploma Kejuruteraan Diploma Sains Diploma Pengurusan Ladang Diploma Perakayuan |


Gambarajah 1: Jantina dan Jurusan Pengajian



Analisa Perbandingan Jurusan dan Pernah Menghadiri Kursus Keusahawanan

Gambarajah 2 pula merujuk kepada hubungan di antara jurusan pengajian dan sama ada responden pernah menghadiri kursus keusahawanan, selain dari kursus ETR/ENT 300. Bagi pelajar jurusan perniagaan, sebanyak 43.40% (46) responden pernah menghadiri kursus keusahawanan dan 56.6% (60) pula tidak pernah. Manakala dari jurusan bukan perniagaan pula, sebanyak 25.4% (52) responden telah menghadiri kursus keusahawanan dan 74.6% (153) adalah tidak pernah. Keseluruhannya, seramai 31.5% (98) dari kedua-dua jurusan pernah menghadiri kursus keusahawanan manakala selebihnya 68.5% (213) adalah tidak pernah. Bagi pelajar jurusan perniagaan, kursus keusahawanan bukanlah asing kepada mereka kerana mungkin maklumat mengenai kursus-kursus itu disalurkan terus kepada mereka melalui universiti. Manakala, bagi pelajar jurusan bukan perniagaan dilihat kurang terdedah kepada bidang keusahawanan ini. Namun, terdapat juga sedikit minat yang ditunjukkan oleh segelintir pelajar jurusan bukan perniagaan yang pernah menghadiri kursus keusahawanan di luar universiti. Bagi mencambahkan lagi minat keusahawanan ini kepada pelajar kedua-dua jurusan seharusnya maklumat mengenai program yang berkaitan dengan keusahawanan haruslah disalurkan dengan seimbang.

Gambarajah 2: Jurusan Pengajian dan Pernah Menghadiri Kursus Keusahawanan



Analisa Pebandingan Jurusan Pengajian Mengikut Niat

Jadual 3 menunjukkan hubungan di antara jurusan pengajian dan niat untuk bekerja sendiri. Dari jurusan perniagaan, sebanyak 27.4% (29) responden masing-masing adalah sangat setuju dan setuju dari segi mempunyai niat untuk bekerja sendiri. Sebanyak 32.1% (34) adalah tidak pasti, 10.4% (11) responden tidak setuju dan selebihnya sebanyak 2.8% (3) adalah tidak mempunyai niat untuk bekerja sendiri. Manakala dari jurusan bukan perniagaan pula, sebanyak 23.9% (49) responden mempunyai niat yang sangat kuat untuk bekerja sendiri. Ini diikuti sebanyak 29.8% (61) pula yang juga mempunyai niat untuk bekerja sendiri. Sebanyak 37.6% (77) pula adalah tidak pasti samada untuk bekerja sendiri atau tidak, 6.8% (14) tidak bersetuju untuk bekerja sendiri dan selebihnya sebanyak 2.0% (4) langsung tidak mempunyai niat untuk bekerja sendiri. Secara keseluruhannya daripada analisa peratusan ini, didapati tidak terdapat perbezaan yang ketara dari segi niat untuk bekerja sendiri di antara kedua-dua jurusan pengajian.

Jadual 3: Jurusan Pengajian dan Niat untuk Bekerja Sendiri

| Jurusan Pengajian | Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Tidak Pasti | Setuju | Sangat Setuju |
|-------------------|---------------------|--------------|-------------|------------|---------------|
| Perniagaan | 2.8% (3) | 10.4% (11) | 32.1% (34) | 27.4% (29) | 27.4% (29) |
| BukanPerniagaan | 2.0% (4) | 6.8% (14) | 37.6% (77) | 29.8% (61) | 23.9% (49) |

Analisa Pebandingan Jurusan Pengajian untuk Membuka Perniagaan

Dari segi perbezaan di antara jurusan pengajian dan niat untuk membuka perniagaan sendiri sekiranya ada peluang, didapati juga tidak terdapat perbezaan yang ketara dari segi peratusan di antara kedua-dua jurusan. Dari jurusan perniagaan, sebanyak 48.1% (51) responden sangat setuju untuk membuka perniagaan sendiri sekiranya diberi peluang. Ini diikuti sebanyak 37.7% (40) responden yang setuju, 12.3% (13) responden yang tidak pasti dan 1.9% (2) responden yang tidak setuju. Manakala dari jurusan bukan perniagaan pula, sebanyak 41.0% (84) sangat setuju untuk membuka perniagaan sendiri sekiranya diberi peluang, 42.9% (88) bersetuju, 11.7% (24) responden adalah tidak pasti, 3.9% (8) responden tidak setuju dan 0.5% (1) sangat tidak setuju.

Jadual 4: Jurusan Pengajian dan Niat untuk Membuka Perniagaan Sendiri Sekiranya Ada Peluang

| Jurusan Pengajian | Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Tidak Pasti | Setuju | Sangat Setuju |
|-------------------|---------------------|--------------|-------------|------------|---------------|
| Perniagaan | 0.0% (0) | 1.9% (2) | 12.3% (13) | 37.7% (40) | 48.1% (51) |
| Bukan Perniagaan | 0.5% (1) | 3.9% (8) | 11.7% (24) | 42.9% (88) | 41.0% (84) |

Analisa Pebandingan Jurusan Pengajian untuk Membuka Perniagaan dalam Tempoh 5 Tahun

Bagi hubungan di antara jurusan pengajian dan niat untuk membuka perniagaan sendiri dalam tempoh 5 tahun yang akan datang dalam Jadual 5, juga didapati tidak terdapat perbezaan yang besar dari segi peratusan di antara kedua-dua jurusan. Dari jurusan perniagaan, sebanyak 22.6% (24) sangat setuju dan mempunyai niat untuk membuka perniagaan sendiri dalam tempoh 5 tahun yang akan datang, 37.7% (40) responden adalah bersetuju, 26.4% (28) responden adalah tidak pasti, 8.5% (9) responden tidak bersetuju dan seterusnya 4.7% (5) responden adalah sangat tidak setuju. Dari jurusan bukan perniagaan pula, sebanyak 14.1% (29) sangat setuju dan mempunyai niat untuk membuka perniagaan sendiri dalam tempoh 5 tahun yang akan datang, 30.2% (62) responden adalah bersetuju, 43.4% (89) responden adalah tidak pasti, 8.8% (18) responden tidak bersetuju dan seterusnya 3.4% (7) responden adalah sangat tidak setuju.

Jadual 5: Jurusan Pengajian dan Niat untuk Membuka Perniagaan Sendiri Dalam Tempoh 5 Tahun Akan Datang

| Jurusan Pengajian | Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Tidak Pasti | Setuju | Sangat Setuju |
|-------------------------|---------------------|--------------|-------------|------------|---------------|
| Perniagaan | 4.7% (5) | 8.5% (9) | 26.4% (28) | 37.7% (40) | 22.6% (24) |
| Bukan Perniagaan | 3.4% (7) | 8.8% (18) | 43.4% (89) | 30.2% (62) | 14.1% (29) |

Perbandingan Min Mengikut Jurusan Pengajian terhadap Niat Keusahawanan

Analisa dapatan Min digunakan untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas dalam melihat perbandingan antara pelajar kedua-dua jurusan terhadap niat keusahawanan dalam Jadual 6. Sebanyak 3 komponen dalam niat keusahawanan ini seperti yang dibincangkan di atas yang melihat kesedaran dan keseriusan pelajar untuk bekerja sendiri. Pada komponen pertama iaitu "*niat untuk berkerja sendiri*", pelajar jurusan bukan perniagaan menunjukkan niat yang sedikit tinggi dengan nilai min sebanyak 3.67 berbanding dengan pelajar jurusan perniagaan sebanyak 3.66. Manakala, pada komponen kedua iaitu "*niat untuk membuka perniagaan sendiri sekiranya ada peluang*" selepas penekanan pada pernyataan "*sekiranya ada peluang*" pelajar kedua-dua jurusan menunjukkan niat yang lebih meyakinkan pada nilai min melebihi 4.00. Pelajar jurusan perniagaan menunjukkan niat bekerja sendiri dengan nilai min 4.32 berbanding pelajar jurusan bukan perniagaan dengan nilai min 4.20. Ini menunjukkan kedua-dua jurusan pelajar bersedia untuk bekerja sendiri sekiranya peluang yang baik datang dan sukar dilepaskan.

Pada komponen ketiga iaitu "*Niat membuka perniagaan sendiri dalam tempoh 5 tahun akan datang*" menunjukkan nilai min kurang dari 4.00. Nilai min 3.65 dicatatkan bagi pelajar jurusan perniagaan dan 3.43 bagi pelajar jurusan bukan perniagaan menunjukkan pelajar tersebut belum mempunyai rancangan yang jelas dalam tempoh 5 tahun akan datang. Ini mungkin disebabkan dalam tempoh itu, pelajar masih lagi baru dalam dunia pekerjaan kerana baru sahaja menamatkan pengajian dan merasakan diri mereka belum bersedia.

Analisa dapatan min menunjukkan bahawa pelajar kedua-dua jurusan mempunyai niat untuk bekerja sendiri, namun terdapat hanya sedikit keyakinan sahaja. Bagaimanapun, niat itu akan diteruskan sekiranya mendapat peluang. Pelajar kedua-dua jurusan juga menunjukkan mereka masih belum mempunyai rancangan yang jelas untuk menjalankan perniagaan sendiri dalam tempoh 5 tahun akan datang.

Jadual 6: Perbandingan Nilai Min Mengikut Jurusan Pengajian dan Niat Keusahawanan

| Komponen | Jurusan pengajian | Min | Bilangan (N) |
|--|-------------------|------|--------------|
| Niat untuk Bekerja Sendiri | Perniagaan | 3.66 | 106 |
| | Bukan Perniagaan | 3.67 | 205 |
| Niat untuk Membuka Perniagaan Sendiri Sekiranya Ada Peluang | Perniagaan | 4.32 | 106 |
| | Bukan Perniagaan | 4.20 | 205 |
| Niat untuk Membuka Perniagaan Sendiri Dalam Tempoh 5 Tahun Akan Datang | Perniagaan | 3.65 | 106 |
| | Bukan Perniagaan | 3.43 | 205 |

Faktor Motivasi

Jadual 7 membincangkan faktor-faktor motivasi yang mempengaruhi pelajar kedua-dua jurusan untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Pelajar jurusan perniagaan, memilih faktor meningkatkan kualiti hidup sebagai faktor utama dengan nilai min sebanyak 4.52 dan diikuti dengan faktor kedua iaitu peluang untuk melaksanakan idea sendiri sebanyak 4.45. Seterusnya faktor kebebasan individu (4.39) dipilih sebagai faktor ketiga, diikuti dengan mencipta sesuatu untuk diri sendiri (4.35) dan mendapat lebih wang berbanding bekerja makan gaji (4.32) masing-masing sebagai faktor keempat dan faktor kelima.

Sementara itu, pelajar jurusan bukan perniagaan turut memilih faktor meningkatkan kualiti hidup sebagai faktor utama menceburkan diri dalam bidang perniagaan dengan nilai min sebanyak 4.31. Faktor motivasi kedua pula adalah peluang melaksanakan idea sendiri (4.20). Mendapat lebih banyak wang berbanding bekerja makan gaji dipilih sebagai faktor ketiga (4.16) dan seterusnya kebebasan individu (4.15) dan mencipta sesuatu untuk diri sendiri (4.10) masing-masing sebagai faktor keempat dan faktor kelima.

Daripada analisa di atas, jelas menunjukkan pelajar kedua-dua jurusan menyedari bahawa pentingnya bidang keusahawanan dalam meningkatkan kualiti hidup, di mana mereka memilihnya sebagai faktor utama. Namun begitu, bagi faktor mendapat lebih banyak wang berbanding makan gaji dipilih sebagai faktor kelima oleh pelajar jurusan perniagaan, manakala pelajar jurusan bukan perniagaan memilihnya sebagai faktor ketiga. Adakah fenomena ini menunjukkan bahawa gaji yang ditawarkan kepada siswazah jurusan bukan perniagaan tidak kompetitif ataupun berpadanan dengan kelayakan mereka. Sedangkan pelajar jurusan perniagaan merasakan masih selesa untuk bekerja makan gaji, namun untuk meningkatkan kualiti hidup dengan lebih baik mereka perlu menceburi bidang keusahawanan. Pelajar kedua-dua jurusan juga bersetuju dengan faktor kebebasan individu sebagai faktor kedua yang mempengaruhi niat keusahawanan mereka. Ini jelas dengan situasi bekerja makan gaji memberi sedikit sahaja kebebasan individu kerana setiap tindakan pekerja adalah tertakluk kepada peraturan syarikat.

Jadual 7: Perbandingan Nilai Min Mengikut Jurusan Perniagaan dan Faktor Motivasi

| Faktor Motivasi | | Jurusan Perniagaan | | | Jurusan Bukan Perniagaan | | |
|-----------------|---|--------------------|---------|----------|--------------------------|---------|----------|
| | | Min | Minimum | Maksimum | Min | Minimum | Maksimum |
| 1 | Meningkatkan kualiti hidup saya. | 4.52 (1) | 3 | 5 | 4.31 (1) | 1 | 5 |
| 2 | Kebebasan individu. | 4.39 (3) | 2 | 5 | 4.15 (4) | 2 | 5 |
| 3 | Mendapat lebih banyak wang berbanding bekerja makan gaji. | 4.32 (5) | 2 | 5 | 4.16 (3) | 1 | 5 |
| 4 | Mencipta sesuatu untuk diri sendiri. | 4.35 (4) | 2 | 5 | 4.10 (5) | 1 | 5 |
| 5 | Berpeluang untuk melaksanakan idea sendiri. | 4.45 (2) | 3 | 5 | 4.20 (2) | 2 | 5 |
| Bilangan (N) | | 106 | | | 205 | | |

Faktor Penghalang

Jadual 8 menunjukkan faktor-faktor penghalang pelajar kedua-dua jurusan dalam menyekat niat mereka untuk menceburi bidang perniagaan. Bagi pelajar jurusan perniagaan memilih faktor penghalang yang utama ialah kekurangan modal permulaan untuk menjalankan perniagaan dengan nilai min 4.29. Faktor kedua pula ialah karenah birokrasi dan kesukaran menyediakan kertas kerja iaitu 3.92 nilai min. Faktor ketiga yang dikenalpasti adalah terlalu banyak risiko (3.70), kekurangan bantuan rasmi untuk memulakan perniagaan dengan nilai min 3.62 sebagai faktor keempat dan faktor kelima pula ialah kekurangan pengetahuan dalam bidang perakaunan dan pengurusan (2.97).

Sementara bagi pelajar jurusan bukan perniagaan, kekurangan modal permulaan turut dipilih sebagai faktor utama dengan nilai min 4.18. Ini diikuti dengan karenah birokrasi (3.86) dan kekurangan pengetahuan dalam bidang perakaunan dan pengurusan sebagai faktor ketiga dengan 3.62 nilai min. Seterusnya faktor terlalu banyak risiko (3.60) dan kekurangan bantuan rasmi untuk memulakan perniagaan (3.58) masing-masing dipilih sebagai faktor keempat dan kelima.

Selepas meneliti satu persatu faktor mengikut jurusan perniagaan, didapati pelajar kedua-dua jurusan bersetuju memilih faktor kekurangan modal permulaan sebagai faktor utama yang menghalang mereka menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Mereka juga sepakat dalam menyatakan persetujuan kepada faktor penghalang kedua iaitu karenah birokrasi dan kesukaran memulakan kertas kerja. Namun begitu, pelajar jurusan bukan perniagaan memilih kekurangan pengetahuan dalam bidang perakaunan dan pengurusan sebagai faktor ketiga, namun pelajar jurusan perniagaan meletakkanya sebagai faktor kelima. Ini jelas dari latar belakang pelajar kedua-dua jurusan yang jauh berbeza. Pelajar jurusan perniagaan smendapat pengetahuan dan pendedahan yang meluas dalam bidang perakaunan dan pengurusan kerana telah termasuk dalam silibus pengajian. Manakala ia menjadi faktor penghalang besar kepada pelajar jurusan bukan perniagaan dalam melaksanakan hal-hal berkaitan perakaunan dan pegurusan.

Selaras dengan itu, adalah amat sesuai sekali kursus ETR/ENT 300 dimasukkan dalam silibus pengajian semua pelajar bagi mengurangkan jurang pengetahuan pelajar kedua-dua jurusan dalam usaha menyuburkan niat keusahawanan mereka. Manakala faktor kekurangan bantuan rasmi tidak lagi menjadi masalah besar kepada para siswazah setelah pelbagai aktiviti sokongan oleh kerajaan dilaksanakan untuk membantu mereka bekerja sendiri menunjukkan impak yang positif. Namun begitu, karenah birokrasi perlulah dikurangkan di peringkat pentadbiran samada di sektor swasta mahupun kerajaan, dan sekali lagi kursus ETR/ENT 300 dipercayai dapat mengurangkan faktor kesukaran memulakan kertas kerja.

Jadual 8: Perbandingan Nilai Min Mengikut Jurusan Perniagaan dan Faktor Penghalang

| Komponen | | Jurusan Perniagaan | | | Jurusan Bukan Perniagaan | | |
|--------------|--|--------------------|---------|----------|--------------------------|---------|----------|
| | | Min | Minimum | Maksimum | Min | Minimum | Maksimum |
| 1 | Kekurangan modal permulaan. | 4.29 (1) | 1 | 5 | 4.18 (1) | 2 | 5 |
| 2 | Karenah birokrasi dan kesukaran memulakan kertas kerja. | 3.92 (2) | 2 | 5 | 3.86 (2) | 1 | 5 |
| 3 | Kekurangan pengetahuan dalam bidang perakaunan dan pengurusan. | 2.97 (5) | 1 | 5 | 3.62 (3) | 1 | 5 |
| 4 | Terlalu banyak risiko. | 3.70 (3) | 1 | 5 | 3.60 (4) | 1 | 5 |
| 5 | Kekurangan bantuan rasmi untuk memulakan perniagaan. | 3.62 (4) | 1 | 5 | 3.58 (5) | 1 | 5 |
| Bilangan (N) | | 106 | | | 205 | | |

Penutup

Berdasarkan analisa dan perbincangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa wujud niat keusahawanan di kalangan pelajar kedua-dua jurusan samada perniagaan dan bukan perniagaan. Namun begitu pelajar masih samar-samar dalam perancangan mereka untuk menjalankan perniagaan dalam tempoh sekurang-kurangnya 5 tahun. Bagaimanapun, mereka bersedia untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan sekiranya diberikan peluang. Pada masa akan datang kajian mungkin perlu memperincikan peluang perniagaan yang bagaimana diperlukan oleh para pelajar. Umum mengetahui bahawa perniagaan mempunyai risiko maka adalah amat membimbangkan jika pelajar hanya mahu peluang perniagaan yang kurang risikonya.

Sementara itu, analisa faktor motivasi niat keusahawanan sepakat untuk bersetuju bahawa keusahawanan akan meningkatkan kualiti hidup. Mentaliti seumpama ini amat perlu untuk diterapkan dalam minda siswazah UiTM dalam usaha mengurangkan pergantungan kepada pihak lain seperti majikan. Bagaimanapun, faktor motivasi mendapat lebih banyak wang berbanding bekerja makan gaji harus diberi perhatian. Pelajar jurusan bukan perniagaan merasakan ia adalah faktor besar kerana mungkin tawaran gaji di pihak majikan sekarang adalah tidak memadai berdasarkan kelayakan, dan ini sesuatu yang perlu difikirkan di peringkat atasan.

Sememangnya dalam usaha untuk memulakan sesuatu perniagaan modal memainkan peranan penting. Siswazah yang baru tamat pengajian sudah tentu masih belum mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh. Justeru faktor itu dirasakan sebagai faktor penghalang utama. Sementara itu, pelajar jurusan bukan perniagaan merasakan faktor kekurangan pengetahuan dalam bidang pengurusan dan perakaunan antara faktor penghalang mereka. Rentetan daripada itu, silibus kursus ETR/ENT 300 diharapkan dapat membantu pelajar dalam menangani masalah ini. Strategi penyampaian kursus ini yang menggunakan perisian mudah MS Excell sekurang-kurangnya mampu membantu pelajar yang kurang mahir dalam penyediaan dokumen perakaunan. Malahan pada masa akan datang para pelajar masih boleh menggunakan perisian tersebut untuk perniagaan mereka tanpa perlu risau akan taktikal kewangan dan perakunan.

Rujukan

- Abd. Rahim Abd. Rashid, Sufean Hussin, & Abd. Jalil Othman (2006). Hala Tuju Pengurusan- Sumber Manusia & Kerjaya. Print Ad Sdn Bhd. Kuala Lumpur. Mukasurat 44. Sumber pada Julai 25, 2011 dari <http://books.google.com.my>
- David Higgins & Chris Elliott. (2010). Learning To Make Sense: What In Entrepreneurial Education. Sumber pada Jun 12, 2011 dari www.emeraldinsight.com.
- Gurel, E., Altinay, L., & Daniele, R. (2009). Tourism students' entrepreneurial intentions. *Annals of Tourism Research*. 37 pp. 646-669.
- Kementerian Pengajian Tinggi (2007). Asas pembudayaan keusahawanan. Penerbit Universiti Utara Malaysia, Kedah.
- Melinda @ Siti Asmah Yunos, Fairus Muhamad Darus, Nur Hayati Abdul Rahman & Ahmad Zia UI-Saufie Mohamad Japeri (2008). Membudayakan keusahawanan di kalangan mahasisiwa universiti teknologi MARA Pulau Pinang. *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008*. Universiti Teknologi Malaysia 22-23 Oktober 2008 pp.1-4
- Norafadhilah Nasharudin & Halimah Harun (2010). Aspirasi Kerjaya Keusahawanan dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi awam. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(1) pp. 11- 17.
- Rachel Shinnar, Mark Pruett, & Bryan Toney. (2009). *Entrepreneurship education: attitudes across campus*. *Journal of Education for Business* pp. 151-158.
- Siti Faaizah Ismail. Didik Anak Jadi Usahawan. Mukasurat 84. Sumber pada Julai 25, 2011 dari <http://books.google.com.my>.
- Zafir Khan bin Mohd Makhbul, & Fazilah binti Mohamad Hasun (2007). Menjadi Usahawan. PTS Professional Sdn. Bhd. Kuala Lumpur. Mukasurat 17, mukasurat 139. Sumber pada Julai 25, 2011 dari <http://books.google.com.my>.

NORULHUDA TAJUDDIN, MUSRAMAINI MUSTAPHA, & NOR HIDAYATUN ABDUL RAZAK, Fakulti Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Pahang. alhudatajuddin583@pahang.uitm.edu.my, musra_08@pahang.uitm.edu.my, norhidayatun@pahang.uitm.edu.my
ROSLIZA ABU BAKAR, Fakulti Perakaunan, Universiti Teknologi MARA Pahang, roslizaziz@pahang.uitm.edu.my